

30 JAN 2003

Mahathir-surat/I

TAK ELOK BAGI SINGAPURA TERBITKAN SURAT RAHSIA, KATA DR MAHATHIR

ALOR GAJAH, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Singapura membuktikan ia kurang mempunyai sifat untuk dipercayai ekoran tindakan republik itu menyiarkan pelbagai surat dan dokumen berhubung isu air dengan Malaysia.

"Saya berpendapat tidak elok menyiarkan surat yang ditulis secara rahsia. Ia menunjukkan sifat tak boleh dipercayai," katanya kepada pemberita di sini selepas merasmikan kilang pembuatan Honda di Pegoh di sini.

Perdana Menteri berkata beliau merasa kurang senang.

"Jika kamu menulis surat kepada teman wanita kamu, dan kemudian teman wanita kamu menyebarkan surat itu kepada semua teman lelaki. Saya tak fikir saya dapat berkawan dengan teman wanita seperti ini," katanya.

Beliau diminta mengulas tindakan kerajaan Singapura menyiarkan pelbagai dokumen termasuk perjanjian-perjanjian air 1927, 1961 dan 1962 serta surat-surat antara pemimpin kedua-dua negara berhubung isu itu sepanjang dua tahun lepas.

Menteri Luar Singapura, S.Jayakumar, dilaporkan berkata Ahad lepas bahawa beliau menyiarkan dokumen itu kerana isu itu "tidak lagi menjadi realistik dan begitu banyak maklumat mengenai isu air itu dikeluarkan oleh Malaysia yang perlu ditangkis dengan bukti."

Dr Mahathir berkata bahawa kini sukar bagi Malaysia untuk menulis surat kepada republik itu.

"Lebih baik kita berunding menerusi akhbar," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia sentiasa sedia membincangkan isu air itu.

"Malaysia bukannya sebuah negara yang ingin berperang untuk memiliki wilayah," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

NO SBS MAI